

Majlis khas bantu peringkat sektor aeroangkasa

BH 26 APRIL 2000

PUTRAJAYA, Selasa – Majlis Aeroangkasa Negara yang akan menjadi badan tertinggi untuk menentukan hala tuju sektor aeroangkasa negara akan dilancarkan selewat-lewatnya penghujung tahun ini.

Pengerusi Bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, berkata penubuhan majlis itu sudah mendapat persetujuan kerajaan dan akan diletakkan di bawah pengawasan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang menyiapkan kertas kerja serta agenda yang akan dikemukakan dalam mesyuarat pertama majlis itu.

Katanya, majlis yang akan menjadi badan tertinggi dalam menentukan hala

tuju sektor aeroangkasa negara serta memantapkan ekonomi negara secara keseluruhannya itu akan menjemput Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pengerusinya.

“Penubuhan majlis itu kini pada peringkat terakhir dan berharap ia akan dapat dilancarkan tahun ini juga,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan kelima Might di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Might, Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

Dr Omar berkata, ahli Majlis Aeroangkasa Negara itu akan dilantik daripada kalangan pihak kerajaan dan swasta yang terbabit di sektor aeroangkasa serta wakil penerbangan aeroangkasa luar negara yang beroperasi di sini.

Jumaat lalu, Dr Omar berkata, Might amat berharap supaya majlis itu dapat dilancarkan tahun ini selepas tertangguh akibat beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Katanya, majlis itu perlu diadakan berikutan perkembangan pesat industri aeroangkasa di negara ini sehingga memerlukan sebuah badan penyelaras untuk mengawal selia haluan dan pertumbuhannya.

Pada sidang akhbar itu, Dr Omar yang juga Penasihat Sains Jabatan Perdana Menteri, berkata pihaknya juga sedang merancang melancarkan dua direktori yang akan menyenaraikan syarikat tempatan dan asing yang beroperasi di negara ini di dalam sektor komposit dan aeroangkasa.

Menurutnya, dua direktori ‘itu akan

dilancarkan Perdana Menteri pada Mei ini.

“Might akan memberikan laporan sepenuhnya pada bulan depan kepada Perdana Menteri dan pada masa itu juga kita akan meminta beliau melancarkan kedua-dua direktori ini,” katanya.

Dr Omar berkata, ketika ini, kedua-dua sektor ini mendapat galakan daripada kerajaan dan Might hanya bertindak menyambung usaha itu dengan meningkatkan promosi dan menggalakkan lagi pertumbuhan sektor itu.

“Kita memberi tumpuan kepada kedua-dua sektor ini supaya dapat menyedarkan pihak swasta bahawa ada peluang pemiagaan yang baik dalam sektor pembuatan barangan berasaskan komposit dan aeroangkasa di negara ini,” katanya.